

Mega UTUSAN MALAYSIA >> Isnin 5 November 2007

# Jeanne keutamaannya di sisi suami

Oleh SITI ZALEHA JORIMAL  
Gambar SHEFRY MONIZ

UM - 5/11/2007

**SUASANA** dewan bankuet di Sri Perdana, kediaman rasmi Perdana Menteri di Presint 16 Putrajaya, kelihatan tenang semasa kami tiba untuk memenuhi jempunan majlis suai kenal bersama isteri Perdana Menteri, Datin Seri Jeanne Abdullah.

Sudah ada beberapa tetamu memenuhi set-set sofa yang disusun kemas dengan terletak elok di atas setiap meja hiasan bunga dan tumbuhan hutan yang sebahagiannya sudah agak jarang dilihat. Kami memilih sudut meja yang dihiasi atasnya burung bangau kristal dan tangkai buah kabung, yang kemudian kami diberitahu sendiri oleh beliau bahawa ia diambil dari taman di kediaman rasmi tersebut.

Dewan yang tadinya masih banyak ruang kosong, tidak sampai setengah jam dipenuhi dengan para wartawan tempatan dari pelbagai akhbar, majalah, radio dan televisyen. Wajah masing-masing nampak begitu teruja memandangkan ini kali pertama bersua muka secara dekat dengan Jeanne, 54, sejak beliau bernikah dengan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam satu majlis sederhana yang hanya dihadiri ahli keluarga terdekat pada 9 Jun lalu.

Tepat seperti yang tertera dalam jempunan pukul 2.45 petang, beliau muncul dengan penampilan cukup sederhana berkurung moden batik sifon berona biru firus. Tidak ada aksesori sarat, memadai kalung pendek dan anting-anting warna senada.

Beliau menyinggahi hampir setiap meja, bertanya khabar sambil tidak putus-putus mengucapkan terima kasih dengan kehadiran kami. Biarpun majlis tersebut sekadar untuk beramah mesra, naluri sebagai wartawan tidak puas jika tidak bertanya soalan dan beliau dengan senang hati menjawab hampir semua soalan termasuk ketika sesi dialog.

Pada sesi tersebut hampir kebanyakan soalan yang dilontarkan menurus kepada kehidupan barunya sebagai wanita pertama negara dan bagaimana beliau berusaha menyesuaikan diri dengan gelaran itu.

"Saya tidak pernah memikirkan soal saya ini wanita pertama atau sebagainya. Keutamaan saya menjadi isteri Pak Lah (panggilan beliau untuk perdana menteri), menyokong dan menjaga keperluannya, itu lebih penting.

"Setiap hari saya sudah ada program yang telah disediakan. Saya ikut saja apa yang patut dibuat selangkah demi selangkah... kehidupan mesti diteruskan," katanya.

## Masih individu yang sama

Biarpun sejak kira-kira lima bulan lalu bergelar wanita pertama negara, Jeanne tetap menganggap dirinya masih individu yang sama seperti dulu dan tidak ada yang berubah, cuma bezanya kini semakin sibuk dan tidak ada banyak masa terluang.

"Dulu saya ada banyak masa dengan anak-anak dan saya memang rapat dengan mereka. Sekarang masa dengan mereka pun semakin kurang sebab banyak mengiringi Pak Lah melawat ke seluruh negara.

"Mula-mula dulu memang rindukan mereka. Walaupun saya jarang ada, setiap hari saya akan pastikan kami bercakap melalui telefon lagipun



JEANNE Abdullah tidak keberatan menjawab segala soalan yang dilontarkan padanya.

PENAMPILAN  
Jeanne Abdullah  
yang begitu  
sederhana.

"Dulu saya ada banyak masa dengan anak-anak dan saya memang rapat dengan mereka. Sekarang masa dengan mereka pun semakin kurang sebab banyak mengiringi Pak Lah melawat ke seluruh negara". – JEANNE ABDULLAH

mereka tinggal dengan saya," katanya.

Dengan jadual yang begitu padat, beliau mengakui kebebasan semakin terbatas dan merindui perkara-perkara yang beliau gemarkan lakukan dulu termasuk keluar minum kopi atau menonton wayang bersama anak-anak, Nadiyah Kimie Othman dan Nadene Kimie, atau menonton program televisyen kegemaran.

"Saya anggap ia pengorbanan dan saya tidak berkira sangat pasal perkara itu," katanya.

Begitupun, melawat dan mendekati masyarakat luar bandar ketika mengiringi Perdana Menteri memberi pengalaman baru yang mengembirakan baginya.

"Apabila saya pergi ke negeri-negeri, ramai yang ingin jumpa dan bersalam....saya sungguh terharu dan berbesar hati dengan sambutan luar biasa yang diberi.

"Saya juga seronok dapat merasa bermacam-macam masakan, macam di Pulau Pinang baru-baru ini kami disajikan dengan ikan keli masak kari yang cukup sedap....di Pahang pula gulai ikan patin itu... semua itu menyeronokkan bagi saya," katanya.

Ditanya mengenai kemungkinan sebagai wanita pertama negara beliau ingin terbabit dalam isu-isu

berkaitan wanita, beliau berpendapat adalah lebih baik jika isu-isu serius ditangani oleh badan-badan yang lebih arif.

"Saya berasa Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil (Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat) telah melakukan tanggungjawabnya dengan baik. Kementeriannya tahu bagaimana untuk menangani masalah ini."

Bagaimanapun, sebagai wanita dan ibu, beliau tetap tersentuh dengan kejadian-kejadian jenayah terhadap kanak-kanak dan buang bayi yang berlaku akhir-akhir ini.

Katanya, kanak-kanak adalah anugerah Tuhan dan adalah sesuatu yang menyedihkan apabila ada orang yang tidak peduli dengan hakikat itu.

"Sayangi anak-anak kita kerana kita tidak tahu apa yang akan berlaku pada masa depan. Orang muda harus sedar tanggungjawab yang datang apabila mempunyai anak.

#### Bersama anak-anak

"Bagi wanita yang berkerja pula, berkorbanlah sedikit masa sosial kita untuk lebih bersama anak-anak. Tunjukkan contoh yang baik pada mereka dan usahalah mendekati serta mengenali anak-anak.



BERAMAH mesra dengan wartawan yang hadir pada majlis suai kenal di Sri Perdana.

"Saya sendiri berusaha mendengar muzik yang diminati anak-anak saya walaupun saya berasa ia memekakkan telinga. Saya cuba menjadi kawan mereka. Ikatan antara ibu dan anak sesuatu yang cukup berharga dan saya bertuah memilikinya," katanya dengan senyuman terus terukir di bibir.

Ketenangan wajah beliau hanya dibaluti solekan nipis, membuatkan ada yang ingin untuk mengetahui rahsia penjagaan kesihatan dan kecantikan yang diamalkan.

"Saya tidak ada masa berjoging atau bersenam. Saya tidak pernah pergi spa atau buat rawatan muka. Bagi saya makin kurang solekan lebih baik.

"Tetapi saya percaya pada kejujuran, keikhlasan dan menikmati hidup dengan lebih tenang tanpa membeban-

kan diri dengan memikirkan masalah.

"Jika ada masalah kita selesaikan. Saya tidak suka membawa masalah hingga ke bilik tidur...."

"Saya juga percaya kepada prinsip menghormati orang lain tanpa mengira perbezaan usia, agama atau bangsa," katanya.

Isteri perdana menteri itu juga tidak cuba mengelak sebaliknya menjawab dengan sebaiknya apabila diaju soalan-soalan lebih bersifat peribadi termasuk tentang lamaran Abdullah.

"Memang terkejut kerana saya tidak pernah menyangka langsung...Saya menerimanya sebagai jodoh yang telah ditentukan oleh Allah," katanya tetapi tetap merahsiakan bila lamaran itu berlaku.

Ditanya tentang karakter Pak Lah yang menambat hatinya secara peribadi, beliau berkata; "Pak Lah tidak ada dua karakter... apa yang anda lihat di luar atau di televisyen begitulah juga di rumah. Penyayang, lembut, baik dan sangat memahami.

"Begitupun, apa yang lebih membuat saya kagum dan terpaut hati ialah pengetahuannya terhadap agama. Beliau sering menggunakan al-Quran dalam menjelaskan sesuatu biarpun dalam perkara-perkara yang kita anggap mudah. Yang penting beliau boleh membimbing saya menjadi Muslim yang baik. Saya bersyukur diperkenalkan dengan beliau."

Sementelah masih dalam bulan Syawal, Jeanne juga tidak lepas ditanya tentang perasaannya pertama kali menyambut puasa dan Hari Raya dengan gelaran baru itu.

"Sejujurnya saya tidak sempat untuk 'merasai' apa-apa kerana masa begitu cepat berlalu, sepanjang bulan Ramadan dan Syawal hampir setiap hari ada jemputan. Jadi tidak sempat untuk berfikir mengenai perasaan itu," katanya yang seperti kebanyakan orang lain menggemari kuih-kuih tradisional sebagai sajian pada Hari Raya.

Bahkan, menu sepanjang majlis ramah mesra bersama media itu semuanya adalah pilihan dan kegemaran beliau termasuk kuih-kuih tradisional seperti tat nanas, agar-agar kering, putu bakar, kuih ros (goyang), makmur dan sebagainya.

Apapun, hampir tiga jam bersama isteri Perdana Menteri itu, mencetus rasa kagum terhadap kesederhanaan yang dimiliki beliau hampir dari semua aspek.

Kesabaran dan keuletannya melayani setiap soalan termasuk permintaan untuk bergambar membuatkan setiap tetamu pulang dengan senyuman di samping titipan cenderahati bermakna.



JEANNE Abdullah bersama dua anak kesayangannya, Nadene Kimie Othman (kiri) dan Nadiyah Kimie.